

MAHKAMAH AGUNG,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR

---

Ruj. Bil. (40)dlm. JK/MA/38 Jld.IV

Tarikh: 31 Oktober, 1992

ARAHAN AMALAN BIL. 3 TAHUN 1992  
KRONOLOGI PERISTIWA KES SIVIL


---

Seorang perayu apabila memfailkan rekod rayuan di bawah Kaedah 62 Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung 1980, hendaklah juga memfailkan 7 salinan kronologi peristiwa kes, bermula dari tarikh kes itu difailkan di Mahkamah asal sehingga ke tarikh rekod rayuan difailkan. Bagi sesuatu permohonan (notis usul) di bawah Seksyen 70 & 71 pula, ringkasan yang sama mengenainya hendaklah difailkan bersekali dengan notis usul.

Seseorang perayu atau pemohon dikehendaki juga memberi ringkasan alasan rayuan/permohonan sewaktu memfailkan rekod rayuan/notis usul. Satu contoh ringkasan itu adalah seperti di Lampiran 'A'.

Bagi rayuan dan permohonan yang sedang menunggu perbicaraan, ringkasan yang dimaksudkan itu hendaklah difailkan segera.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November, 1992.



(MUHAMAD IDERES BIN MUHAMAD RAPEE)  
b.p. KETUA PENDAFTAR,  
MAHKAMAH AGUNG MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR.

CONTOH

Mahkamah Agung Rayuan Sivil No. 02-258-91  
(Mah. Tinggi K.Lumpur Guaman Sivil No. No. Sa-22-127-90)

Tuntutan: Gantirugi Kemalangan Jalanraya.

1. 5.6.90 - Writ difail di Mahkamah Tinggi.
2. 10.6.90 - Writ disampaikan kepada defendan.
3. 14.6.90 - Defendan memasukkan kehadiran.
4. 25.6.90 - Defendan menyampaikan pembelaan kepada plaintif.
5. 20.10.91- Mahkamah Tinggi bicara kes, perintah defendan bayar plaintif \$60,000.00 dan kos.
6. 30.10.91- Defendan memohon kebenaran merayu ke Mahkamah Agung.
7. 5.11.91 - Mahkamah Tinggi memberi kebenaran merayu.
8. 10.11.91- Defendan memfailkan Notis Rayuan ke Mahkamah Agung.
9. 11.11.91- Notis Rayuan disampaikan kepada plaintif.
10. 2.12.91 - Defendan terima nota-nota keterangan daripada Mahkamah Tinggi.
11. 9.12.91 - Defendan terima alasan penghakiman.
12. 15.12.91- Defendan memfail rekod rayuan.
13. 16.12.91- Defendan sampaikan rekod rayuan kepada plaintif.

Alasan Ringkas Rayuan

- (1). Y.A. Hakim tidak menimbang kecuaiian sertaan pihak plaintif
- (2). Memandangkan kecederaan yang dialami oleh plaintif, gantirugi itu terlampau tinggi.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.  
Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Y.A.A. Hakim Besar Borneo - Untuk makluman Y.A.A.  
Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung.  
Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Malaya.  
Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman.  
Y.Bhg. Peguam Negara Malaysia.  
Y.Bhg. Peguamcara Negara.  
Ketua Setiausaha, Kementerian Undang-Undang Malaysia.  
Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya.  
Pendaftar, Mahkamah Tinggi Borneo.  
Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya.  
Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Borneo.  
Timbalan Pendaftar, Mahkamah Agung.  
Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya.  
Semua Penasihat Undang-Undang Negeri, Malaysia.  
Semua Hakim Mahkamah Sesyen, Malaysia.  
Semua Majistret, Mahkamah Majistret Malaysia.

Pengerusi,  
Majlis Peguam,  
No. 5, Jalan Tun Perak,  
Kuala Lumpur.

The Managing Editor,  
Malayan Law Journal (Pte) Ltd.,  
No. 3, #14-08, Shenton House,  
Singapore 0106.

The Editor,  
Current Law Journal,  
Bangunan Straits Trading,  
Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah,  
Dewan Bahasa & Pustaka,  
Kuala Lumpur.